



PELAN STRATEGIK

PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK

2017 – 2020





KATA ALUAN

SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK

Assalamualaikum wbt dan Salam sejahtera,

Syukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak 2017-2020 telah berjaya dihasilkan. Pelan Strategik 2017-2020 adalah merupakan perancangan halatuju PSUPS bagi tempoh lima (5) tahun akan datang. Tujuan Pelan Strategik ini adalah sebagai panduan kepada pejabat ini di dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan dan stakeholder.

Selaras dengan peredaran masa, jangkaan pelanggan dan stakeholder terhadap perkhidmatan kerajaan adalah amat tinggi. Sehubungan dengan ini, bagi memastikan jangkaan ini boleh dicapai adalah amat penting pelan strategik ini disediakan oleh PSUPS. Hal ini adalah bagi memastikan semua tindakan ke arah memberikan perkhidmatan yang berkualiti boleh dirancang dan dipantau dengan lebih teratur dan sistematik.

Saya mengharapkan semua warga PSUPS dapat memberikan komitmen yang tinggi bagi memastikan kelancaran dan kejayaan perancangan yang telah dinyatakan di dalam Pelan Strategik PSUPS 2017-2020. Sokongan daripada semua warga adalah amat diperlukan di dalam memastikan setiap dasar atau perancangan yang telah ditetapkan oleh Jabatan di dalam mencapai Objektif, Visi dan Misi Jabatan.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat di dalam penyediaan Pelan Strategik PSUPS 2017-2020. Diharap semua perancangan yang dirancang di dalam Pelan Strategik ini akan dapat dicapai dengan jayanya, bagi memastikan PUSPS dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk pelanggan dan dtakeholder dan seterusnya mengukuhkan peranan PSUPS sebagai Agensi Peneraju Perkhidmatan Awam Persekutuan di negeri ini.

Sekian, terima kasih.

Datuk Mohd Zuki Bin Ali

Ringkasan Eksekutif

Selaras dengan teras ke-9 Rancangan Malaysia ke-11 iaitu Mentransformasi Perkhidmatan Awam untuk Produktiviti, adalah penting untuk PSUPS mengambil tindakan-tindakan yang berkaitan bagi menyokong dan memastikan kejayaan teras tersebut. Bagi tujuan ini, PSUPS telah merangka Pelan Strategik 2017-2020 bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti warga Jabatan dan seterusnya meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan dan stakeholder.

Pelan Strategik PSUPS 2017-2020 merupakan satu panduan dan rujukan kepada pejabat ini di dalam memastikan perancangan untuk Pejabat ini untuk tempoh Lima (5) tahun akan datang akan dapat dicapai dan seterusnya menyokong dan membantu pencapaian teras ke-9, Rancangan Malaysia Ke-11.

Pelan Strategik 2017-2020 PSUPS mempunyai tiga (3) objektif yang telah ditetapkan bagi mencapai Misi dan Visi PSUPS dan seterusnya menyokong RMKe-11. Tiga (3) objektif tersebut adalah:

1. Mengukuhkan jalinan dan kerjasama strategik antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri serta antara agensi Persekutuan di Negeri ini.
2. Penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan dan stakeholder; dan
3. Memantapkan tadbir urus organisasi.

Bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan di dalam Pelan Strategik 2017- 2020 ini, PSUPS telah merancang program-program yang berkaitan. Walau bagaimanapun, di dalam memastikan kejayaan program yang telah dirancang, Pelan Strategik ini juga turut menilai *Critical Success Factor* bagi membolehkan tindakan-tindakan yang sewajarnya boleh diambil bagi memastikan kejayaan program yang dirancang.

Bahagian 1

Latar Belakang | Sejarah Jabatan

Penubuhan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak (SUPS) adalah di atas inisiatif Allahyarham Tun Abdul Razak Bin Hussain, Timbalan Perdana Menteri sebaik sahaja Malaysia ditubuhkan. Y.M. Tunku (Tan Sri) Mohamed bin Tunku Besar Burhanudin yang pada masa itu memegang jawatan Pegawai Perjawatan di Kuala Lumpur pergi ke Malaysia Timur untuk menyelaraskan dan mencantumkan sistem pentadbiran awam di Malaysia Timur dengan sistem pentadbiran awam yang digunakan di Semenanjung Malaysia. Arahan ini adalah berdasarkan kepada perbincangan awal Inter-Governmental Committee (IGC 1963) yang bersetuju menubuhkan sebuah Pejabat Perhubungan Persekutuan (Federal Liaison Office) di Sabah dan Sarawak sebagai perantara bagi Ketua-Ketua Jabatan yang hendak dipersekutuankan (to be federalized) dengan Kementerian di Kuala Lumpur.

Pada 16 September 1963 iaitu serentak dengan penubuhan Malaysia, Pejabat SUPS yang juga dikenali ringkas sebagai urusetia Persekutuan telah ditubuhkan. Pada masa tersebut Tunku Tan Sri Mohamed dilantik sebagai Setiausaha Persekutuan (bagi "Borneo State") atau Malaysia Timur dan ditempatkan di Kuching. Manakala Timbalan Persekutuan ketika itu, Yeap Kee Aik telah ditempatkan di Jesselton (sekarang Kota Kinabalu) Sabah. Pada peringkat permulaannya Setiausaha Persekutuan yang beribupejabat di Kuching adalah bertanggungjawab mengendalikan urusan-urusan bagi kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak.

Pada tahun 1967 Pejabat Setiausaha Persekutuan disusun semula dan dengan itu Sarawak dan Sabah mempunyai Setiausaha Persekutuannya masing-masing. Pada tahun 1971, jawatan SUP lebih dikenali sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Sarawak. Tan Sri Dato' Wan Sidek (SUP Ke-6) telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Sarawak yang secara automatik dilantik juga sebagai *Chief Executive Rajang Security Command* (RASCOM). Dalam tahun 1974 nama jawatan tersebut telah ditukar kembali kepada Setiausaha Persekutuan Sarawak setelah Kementerian tersebut dibubarkan.

Di atas sebab-sebab tertentu yang tidak dapat dielakkan, Pejabat SUPS telah dimansuhkan secara rasmi melalui Surat Pekeliling Am Bil. 5/1982 dan Bil. 9/1982. Semua tugas dan tanggungjawab lain yang dipertanggungjawabkan kepada SUPS sebelum itu telah dipindahkan kepada beberapa Kementerian / Jabatan Persekutuan yang lain sama ada yang berada di Negeri Sarawak mahupun di Semenanjung Malaysia. Kuasa undang-undang diwakilkan kepada SUPS oleh beberapa menteri diserahkan balik kepada Kementerian.

Walau bagaimanapun, atas permohonan rasmi Kerajaan Negeri Sarawak, YBhg. Dato' Abdul Malek bin Abdul Aziz (Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri) memaklumkan pada 21 November 1989, bahawa Kabinet telah memutuskan supaya diwujudkan semula jawatan Pejabat Setiausaha Persekutuan di kedua-dua negeri iaitu di Sabah dan Sarawak. Pejabat SUPS telah diwujudkan semula pada 1 Mei 1990 dan ia telah diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN) sehingga ke hari ini.

Pejabat SUPS pada awal penubuhannya adalah terletak di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri iaitu berdekatan dengan "Padang Central" (kini dikenali sebagai Padang Merdeka). Pada tahun 1975, pejabat ini dipindah ke Tingkat 3, Bangunan Tunku Abdul Rahman (sekarang Wisma Bapa Malaysia di Petra Jaya, Kuching). Pejabat SUP Sarawak pada masa ini telah beroperasi di tingkat 3 dan 17, Bangunan Sultan Iskandar, Jalan Simpang Tiga, Kuching. Sehingga ke hari ini terdapat seramai 17 orang pegawai persekutuan telah dilantik sebagai Setiausaha Persekutuan Sarawak termasuk YBhg. Datuk Mohd Zuki Bin Ali yang telah dilantik pada 13 Ogos 2016.



Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri
(Yayasan Sarawak)



Bangunan Tunku Abdul Rahman
(Wisma Bapa Malaysia Petra Jaya)



Bangunan Tunku Abdul Rahman
(Wisma Bapa Malaysia Petra Jaya)

Punca Kuasa



Surat Pekeliling Am Bilangan 4/1990.
Pengwujudan semula Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah dan Sarawak



Surat Pekeliling am Bilangan 1/1991. Pengekalan kuasa-kuasa yang telah diserahkan daripada Setiausaha Persekutuan Sarawak kepada pihak Berkuasa Persekutuan dan agensi Pusat dan



Surat Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia Bil. JPA (S)252/2/24-21(70) bertarikh 2 Ogos 1999, Surat Penyerahan unit Pembangunan dan Pengurusan harta ke Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak

Peranan dan Fungsi

Sebagai ketua bagi Kerajaan Persekutuan di Sarawak, peranan dan fungsi Pejabat SUPS adalah seperti berikut

1

Mengukuhkan Perhubungan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sarawak

2

Mengurus Bangunan Gunasama Persekutuan dan Kuarters Persekutuan Sarawak

3

Menyelaras dan Memantau Projek-Projek Bangunan Gunasama dan Kuarters Persekutuan

4

Pemudahcara Pelaksanaan Projek-Projek Pembangunan di Negeri Sarawak bersama dengan Kerajaan Negeri Sarawak

5

Menyelaras Program-Program Peningkatan Kualiti dan Produktiviti Jabatan-Jabatan Persekutuan di Negeri Sarawak

6

Menyelaras program-program lawatan melibatkan pembesar, menteri, orang-orang kenamaan daripada Semenanjung Malaysia dan Sabah ke Negeri Sarawak.


Stakeholder dan Pelanggan



STAKEHOLDERS

Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak

PELANGGAN



Isu Dan Cabaran

Bagi mewujudkan organisasi yang cemerlang dan menjadi peneraju dalam sektor awam persekutuan di Sarawak, cabaran utama yang didorong oleh faktor dalaman dan luaran yang perlu ditangani oleh Pejabat SUPS adalah seperti berikut:

1. Hubungan Antara Kerajaan Persekutuan Dengan Kerajaan Negeri

Selaras dengan gagasan “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” dalam pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan awam kepada masyarakat umum, beberapa gerakan telah diperkenalkan dan dilaksanakan oleh Kerajaan. Dalam hal ini, jaringan dan hubungan strategik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diperkukuhkan lagi bagi memastikan dasar-dasar yang diperkenalkan di peringkat Persekutuan turut dapat dilaksanakan dengan jayanya di peringkat negeri Sarawak. Hubungan yang erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri merupakan prasyarat utama dalam mengekalkan perpaduan kaum dan integrasi nasional serta memastikan sistem penyampaian perkhidmatan khususnya di negeri Sarawak dapat disampaikan dengan cekap, tepat dan berintegriti.

2. Mempertingkatkan Tadbir Urus Terbaik (*Good Governance*) Dalam Sektor Awam

Sektor awam merupakan jentera pentadbiran, perkhidmatan dan penggerak ke arah pembangunan dan kemajuan negara. Justeru, pemantapan tadbir urus terbaik atau good governance dalam sektor awam perlu diberi keutamaan terutamanya dalam pengamalan sistem dan prosedur kerja yang cekap bagi menutup ruang dan peluang untuk penyelewengan serta salah guna kuasa. Ketelusan dan pematuhan kepada peraturan dan undang-undang akan memastikan semua keputusan dan tindakan dibuat dengan penuh integriti agar dapat mempertingkatkan dan memperkukuhkan keupayaan ke arah mencapai matlamat Misi Nasional dan TN50 (Transformasi Nasional 2015). Tumpuan juga turut diberikan kepada pembangunan modal insan melalui penerapan nilai-nilai murni dan etika kerja positif. Melalui usaha-usaha ini, semua pegawai awam perlu memainkan peranan penting dalam mengamalkan prinsip tadbir urus terbaik supaya dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang lebih cemerlang.

3. Perkhidmatan Awam Yang Kejat (*Lean Civil Service*)

Bagi mengubah tanggapan bahawa perkhidmatan awam bersaiz besar, kurang responsif dan cenderung kepada ketirisan, konsep perkhidmatan awam yang kejut (*Lean Civil Service*) telah diperkenalkan. Ini bagi mewujudkan jentera perkhidmatan awam yang cekap, berproduktiviti tinggi, lebih kreatif dan inovatif dengan mengutamakan pencapaian di mana setiap penjawat awam digembleng sepenuhnya untuk beroperasi ke arah mencapai matlamat perkhidmatan tanpa pembaziran. Sebaliknya tuntutan kerja yang semakin meningkat dalam perkhidmatan awam menuntut penjawat awam untuk lebih komited, cekap dan inovatif dalam meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam di jabatan dan agensi masing-masing. Lantaran itu, pembangunan modal insan dari aspek pengetahuan, kemahiran, dan sikap telus diberikan penekanan bagi memastikan penjawat awam sentiasa kompeten serta relevan.

Isu Dan Cabaran

4. Penyampaian Perkhidmatan Yang Melangkaui Ekspektasi

Dalam memenuhi hasrat kerajaan supaya perkhidmatan yang diberikan adalah melampaui kebiasaan atau “*beyond ordinary*”. Pejabat SUPS perlu memastikan tahap kepuasan pelanggan sentiasa melampaui kebiasaan di mana Pejabat SUPS bukan sekadar perlu membekalkan ruang pejabat yang mencukupi dan tempat kediaman yang selesa, malah kesejahteraan dan kepuasan pelanggan perlu merangkumi aspek yang lebih luas. Contohnya kepuasan pelanggan bagi penghuni kuarters persekutuan perlulah meliputi kualiti kuarters, tahap keselamatan, kebersihan persekitaran, kehormonian kejrangan dan sebagainya. Pengurusan sumber yang cekap dan efisien menjadi kritikal dalam memenuhi hasrat untuk menjadi agensi peneraju yang menyampaikan perkhidmatan yang melangkaui ekspektasi.

Pelan Strategik Umum

VISI

PENERAJU DALAM PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN DI SARAWAK BAGI MENCAPAI TAHAP NEGARA MAJU DAN BERDAYA SAING MENJELANG TAHUN 2020

MISI

MEMPERKASA KECEMERLANGAN DALAM SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MELALUI PERHUBUNGAN ANTARA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI SERTA PENGURUSAN HARTANAH PERSEKUTUAN PADA TAHAP YANG OPTIMA DAN BERKUALITI

MOTO

PERTAMA DAN MEMIMPIN

Nilai - Nilai Teras

B

BIJAKSANA

Bijak memberi idea serta cekap dalam menyelesaikan masalah dan pantas membuat keputusan

A

AKAUNTABILITI

Bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas dengan sempurna

K

KERJASAMA

Semangat berpasukan dalam mencapai matlamat organisasi

T

TOLERANSI

Mengamalkan sikap bertolak ansur dan "empathy" dalam melaksanakan tugas

I

INTEGRITI

Kebertanggungjawaban terhadap organisasi yang diwakili melalui sikap amanah, cekap, ikhlas dan beretika

Objektif Strategik

Objektif Strategik Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak di dalam merealisasikan visi dan misi jabatan

Mengukuhkan jalinan dan kerjasama strategik antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri serta mengukuhkan jalinan kerjasama antara agensi persekutuan

Penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan dan

Memantapkan tadbir urus organisasi

Objektif 1

1. Pengukuhan jalinan dan kerjasama strategik antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan adalah merupakan fungsi utama penubuhan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak.

2. Di samping itu, pengukuhan kerjasama bersama di antara agensi - agensi Persekutuan di Sarawak amat penting bagi memastikan dapat mencetuskan budaya kerja "seamless" dan pendekatan BOS (Blues Ocean strategy)

Mengukuhkan jalinan dan Kerjasama Strategik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta mengukuhkan jalinan kerjasama antara Agensi Persekutuan

3. Bagi mencapai objektif strategik yang telah dirancang, Pejabat ini telah merancang program dan aktiviti yang berkaitan.

Objektif 1

Mengukuhkan jalinan dan Kerjasama Strategik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta mengukuhkan jalinan kerjasama antara Agensi Persekutuan

BIL	PROGRAM DAN AKTIVITI	CRITICAL SUCCESS FACTORS	PELAKSANA	TEMPOH MASA (SASARAN)	KPI	BILANGAN PROGRAM
1	PROGRAM HARI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK	KEKANGAN PERUNTUKAN / SUMBER KEWANGAN	UNIT PENTADBIRAN	2017-2020	PENYERTAAN 90% AGENSI PERSEKUTUAN DI SARAWAK	1 PROGRAM SETIAP TAHUN
2	PROGRAM HARI INOVASI NEGERI SARAWAK	KEKANGAN PERUNTUKAN / SUMBER KEWANGAN	UNIT KUALITI	2017-2020	PENGANJURAN MAJLIS PERASMIAN/ PENUTUP HARI INOVASI NEGERI SARAWAK	1 PROGRAM SETIAP TAHUN
3	PROGRAM SAMBUTAN HARI MALAYSIA	KEKANGAN PERUNTUKAN/ SUMBER KEWANGAN	UNIT PENTADBIRAN	2017-2020	100% AGENSI PERSEKUTUAN SARAWAK HADIR	1 PROGRAM SETIAP TAHUN
4	CERAMAH / LATIHAN UNTUK PENJAWAT AWAM PERSEKUTUAN	KEKANGAN PERUNTUKAN / SUMBER KEWANGAN	UNIT INTEGRITI	2017-2020	90% KEHADIRAN GOLONGAN SASAR	3 PROGRAM
5	MESYUARAT KETUA JABATAN PERSEKUTUAN	KEKANGAN PERUNTUKAN / SUMBER KEWANGAN	UNIT PRO	2017-2020	100% KEHADIRAN KETUA JABATAN / WAKIL AGENSI PERSEKUTUAN	3 PROGRAM
6	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU INOVASI (JKPI)	KEKANGAN PERUNTUKAN / SUMBER KEWANGAN	UNIT KUALITI / PRO	2017-2020	100% KEHADIRAN AHLI JKPI	4 MESYUARAT
7	LAWATAN KUALITI DAN INOVASI KE AGENSI-AGENSI PERSEKUTUAN	KESEDIAAN AGENSI MENERIMA LAWATAN	UNIT KUALITI / PRO	2017-2020	100% AGENSI MEMBERI KERJASAMA	4 LAWATAN
8	LAWATAN KERJA BERSAMA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI	KEKANGAN MASA ANTARA SUK DAN SUP	UNIT PRO	2017-2020	LAWATAN KERJA BERSAMA SUK DAN SUP	2 LAWATAN
9	BRISK WALKING	AGENSI TIDAK BERSEDIA UNTUK MENJADI TUAN RUMAH PROGRAM	PRO	2017-2020	PROGRAM LAWATAN SOSIAL SUPS KE AGENSI-AGENSI PERSEKUTUAN YANG DIPILIH	5 PROGRAM

Objektif 2

1. Penyampaian perkhidmatan yang melampaui ekspektasi adalah merupakan antara cabaran yang dihadapi oleh semua agensi Kerajaan pada masa ini.

2. Perubahan masa juga turut mengubah permintaan dan ekspektasi pengguna terhadap perkhidmatan kerajaan.

4. Di samping permintaan pelanggan yang perlu dipenuhi, keperluan stakeholder adalah sama turut diutamakan.

3. Selaras dengan perubahan keperluan dan ekspektasi pengguna pada masa ini adalah perlu untuk Pejabat SUP Sarawak untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan-pelanggan Pejabat ini.

5. Sehubungan dengan ini Pejabat SUP Sarawak telah merangka program-program berkaitan bagi memastikan pejabat ini dapat memberi Perkhidmatan Yang Berkualiti Kepada Pelanggan dan Stakeholder.

6. Program-program yang berkaitan telah dirancang bagi mencapai objektif yang dinyatakan.

**Penyampaian
Perkhidmatan
yang berkualiti
kepada
Pelanggan dan
Stakeholder**

Penyampaian Perkhidmatan yang berkualiti kepada Pelanggan dan Stakeholder

BIL	PROGRAM DAN AKTIVITI	CRITICAL SUCCESS FACTORS	PELAKSANA	TEPOH MASA (SASARAN)	KPI	BILANGAN PROGRAM
1	MENGOPTIMUMKAN PENGAGIHAN RUANG PEJABAT BANGUNAN GUNASAMA PERSEKUTUAN	RUANG PEJABAT BANGUNAN GUNASAMA PERSEKUTUAN YANG TERHAD	BPPH	2017-2020	KEPUTUSAN PERMOHONAN PENGAGIHAN RUANG PEJABAT DIKELUARKAN DALAM TEMPOH MASA TIGA (3) HARI SELEPAS MESYUARAT JAWATANKUASA RUANG PEJABAT	
2	PENYEDIAAN KEMUDAHAN GUNASAMA	KEKANGAN PERUNTUKAN/ SUMBER KEWANGAN	BPPH	2017-2020	TAHAP KEPUASAN PELANGGAN SEKURANG-KURANGNYA 90%	
3	PEMANTAUAN PERKHIDMATAN SYARIKAT KONSESI	KEKANGAN SUMBER MANUSIA	BPPH	2017-2020	KEPUASAN PELANGGAN SEKURANG-KURANGNYA 90%	
4	MESYUARAT PENYELARASAN DENGAN JPPBGP	PENYELESAIAN ISU-ISU BERKAITAN DENGAN BANGUNAN GUNASAMA PERSEKUTUAN	BPPH	2017-2020	17 KALI SETAHUN	
5	PENGURUSAN KESELAMATAN BANGUNAN	MEWUJUDKAN PELAN KESELAMATAN (POLISI)	BPPH	2017-2020	PELAN KESELAMATAN BGS	
6	PENGAGIHAN UNIT KUARTERS	I. KEKANGAN BILANGAN UNIT BERBANDING PERMOHONAN/PERMINTAAN	BPPH	2017-2020	100% PENGAGIHAN KUARTERS YANG BOLEH DIDUDUKI DALAM MASA SATU (1) BULAN DARIPADA TARIKH KEKOSONGAN	
		II. BILANGAN KUARTERS YANG TERHAD				
7	PEMBAIKAN DAN NAIKTARAF KUARTERS SERTA PENYEDIAAN KEMUDAHAN DI KUARTERS GUNASAMA PERSEKUTUAN	KEKANGAN PERUNTUKAN / SUMBER KEWANGAN	BPPH	2017-2020	1. TAHAP KEPUASAN PELANGGAN SEKURANG-KURANGNYA 90%	
					2. 90% ADUAN DISELESAIKAN DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN	
8	LAWATAN PENYENGGARAAN BERKALA	I. KEKANGAN PERUNTUKAN / SUMBER KEWANGAN	BPPH	2017-2020	24 LAWATAN	
		II. KEKANGAN SUMBER MANUSIA				
9	PENGURUSAN ADUAN AWAM	KEKANGAN PERUNTUKAN / SUMBER KEWANGAN	PRO	2017-2020	90% ADUAN DISELESAIKAN	
10	MENYEDIAKAN LAPORAN SECARA BERKALA KEPADA STAKEHOLDER	MAKLUMAT YANG KURANG TEPAT ATAU	PRO	2017-2020	12 LAPORAN	

Objektif 3

Memantapkan Tadbir Urus Organisasi

1. Selaras dengan Objektif sebelum ini, Objektif ke-3 iaitu memantapkan tadbir urus organisasi adalah amat penting di dalam menyokong pencapaian Objektif 1 dan 2.
2. Pemantapan tadbir urus organisasi adalah bagi memastikan sumber manusia di dalam organisasi dapat menjalankan masing-masing jawab dan peranan masing-masing dengan baik.
3. Pemantapan organisasi Pejabat SUP Sarawak adalah melibatkan empat (4) perkara iaitu:
 - i. Memperkukuhkan Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia;
 - ii. Meningkatkan Kreativiti warga Pejabat SUP Sarawak;
 - iii. Mengukuhkan Nilai-Nilai integriti; dan
 - iv. Mengukuhkan Kualiti Sistem Pengurusan dan Penyampaian.
4. Pelbagai Aktiviti-aktiviti yang telah dirancang bagi mencapai objektif ini

Objektif 3

Memantapkan Tadbir Urus Organisasi

BIL	PROGRAM DAN AKTIVITI	CRITICAL SUCCESS FACTORS	PELAKSANA	TEPOH MASA (SASARAN)	KPI	BILANGAN PROGRAM
I.MEMPERKUKUKKAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA						
1	PEMANTAPAN PROGRAM LATIHAN	KEKANGAN PERUNTUKAN / SUMBER KEWANGAN KESEDIAAN PEGAWAI MENGHADIRI KURSUS/LATIHAN	UNIT INTEGRITI	2017-2020	90% KEBERKESANAN LATIHAN/PROGRAM	3 PROGRAM
2	MENGEMASKINI SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	PEGAWAI KURANG FAHAM PENGGUNAAN SISTEM HRMIS	UNIT INTEGRITI	2017-2020	100% DIKEMASKINI	3 KALI
3	PUSINGAN KERJA PEGAWAI PSUP SARAWAK	PEGAWAI TIDAK BERSEDIA UNTUK BERTUKAR	UNIT INTEGRITI	2017-2020	PUSINGAN KERJA MELIBATKAN PEGAWAI YANG BERKHIDMAT LEBIH 5 TAHUN DI SESUATU UNIT	1 KALI
4	PROGRAM MENTOR - MENTEE	PEGAWAI KURANG FAHAM DAN TIDAK DAPAT MEMBERIKAN KOMITMEN DALAM PERLAKSANAAN PROGRAM MENTOR-MENTEE	UNIT INTEGRIRI	2017-2020	DILAKSANAKAN MELIBATKAN PEGAWAI-PEGAWAI BARU YANG MASUK KE PSUPS DAN PEGAWAI YANG BARU DINAIKKAN PANGKAT	
II.MENGUKUKKAN NILA-NILAI INTEGRITI						
1	TAPISAN KESELAMATAN PEGAWAI		UNIT INTEGRITI	2017-2020	TAPISAN KESELAMATAN UNTUK PEGAWAI BARU DAN PEGAWAI YANG TERLIBAT DENGAN URUSAN FAIL	
2	PERISYTIHARAN HARTA PEGAWAI	KOMITMEN PEGAWAI	UNIT INTEGRITI	2017-2020	100% PEGAWAI MENGISYTIHARKAN HARTA	
3	MENGEMASKINI LAPORAN KEDATANGAN DAN CUTI PEGAWAI	KOMITMEN PEGAWAI	UNIT INTEGRITI	2017-2020	12 LAPORAN SETIAP TAHUN	
4	MEMANTAU TAHAP KEBERHUTANGAN PEGAWAI	KOMITMEN PEGAWAI	UNIT INTEGRITI	2017-2020	POTOTNGAN GAJI PEGAWAI TIDAK LEBIH DARI 60%	
5	INTEGRITI TALK	MENDAPATKAN PENCERAMAH	UNIT INTEGRITI	2017-2020	90% KEBERKESANAN PROGRAM	1 PROGRAM
III.MENGUKUKKAN KUALITI SISTEM PENGURUSAN DAN PENYAMPAIAN						
1	PEMATUHAN PROSEDUR DAN PERATURAN KEWANGAN YANG BERKUATKUASA	PEGAWAI KURANG FAHAM PERATURAN KEWANGAN	UNIT KEWANGAN	2017-2020	5 BINTANG UNTUK AUDIT INDEKS AKAUNTABILITI	
2	PENILAIAN PENARAFAN BINTANG	I. KURANG KEFAHAMAN PEGAWAI TERHADAP PENILAIAN SSR II. KOMITMEN PEGAWAI	UNIT KUALITI	2017-2020	5 BINTANG	
3	PENGEMASKINIAN LAMAN WEB JABATAN	SUMBER KEWANGAN / PERUNTUKAN	UNIT ICT	2017-2020	5 BINTANG MDEC	
4	KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK	KOMITMEN PEGAWAI	UNITI KUALITI	2017-2020	2 KALI SETIAP DUA TAHUN	

Penutup

Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Ke-11 telah menetapkan salah satu Teras Strategik nya adalah untuk Mentransformasikan Perkhidmatan Awam. Proses transformasi ini adalah melibatkan lima (5) bidang fokus iaitu:

- i. Mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan dengan mengutamakan rakyat;
- ii. Merasionalisasikan institusi sektor awam untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi;
- iii. Memperkukuh pengurusan bakat untuk perkhidmatan awam masa hadapan;
- iv. Mempertingkatkan pengurusan projek untuk menghasilkan outcome yang lebih baik dan cepat;
- v. Memanfaatkan pihak berkuasa tempatan bagi menyediakan perkhidmatan berkualiti pada peringkat tempatan.

Bagi menyokong RMKe-11 yang telah dilancarkan oleh Kerajaan, Pejabat SUP Sarawak telah merangka Pelan Strategik ini yang memberi penekanan kepada tiga Objektif Utama iaitu:

- i. Mengukuhkan jalinan dan kerjasama strategic antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta Mengukuhkan Jalinan Kerjasama Antara Agensi Persekutuan;
- ii. Penyampaian Perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan dan stakeholder; dan
- iii. Memantapkan Tadbir Urus Organisasi.

Melalui Pelan Strategik Pejabat SUP Sarawak 2017-2020 pejabat ini akan terus menjalankan peranan yang ditetapkan dengan jayanya dan seterusnya membantu di dalam mencapai sasaran RMKe11.